



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 48
No. 13

24hb Jun 2004

*TAMBAHAN No. 65
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 206.

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (No. 2) 2004

BAHAWASANYA menurut Perkara 43 dan 43A Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang pertama Jadual sebagai Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri Kerajaan Persekutuan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [Akta 2], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2004**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 27 Mac 2004.

Fungsi-fungsi Menteri

2. (1) Diberitahu bahawa orang yang dinamakan dalam ruang pertama Jadual hendaklah mempunyai gelaran dan nama jawatan yang dinyatakan dalam ruang kedua bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam Jadual.

(2) Orang yang namanya disebut dahulu dalam ruang pertama Jadual yang berhubungan dengan mana-mana jabatan atau perkara yang dinyatakan dalam ruang ketiga dan keempat yang bersempitan dengan namanya hendaklah menjadi orang yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi jabatan atau perkara itu dan hendaklah dibantu oleh orang yang namanya terdapat di bawah nama orang yang mula-mula disebut itu dalam ruang pertama.

Pembatalan

3. Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2004 [*P.U. (A) 110/2004*] adalah dibatalkan.

Kecualian dan peralihan

4. (1) Jika terdapat sesuatu sebutan tentang seseorang Menteri dengan sesuatu gelaran atau nama jawatan tertentu dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana fungsi di bawah undang-undang bertulis itu dan gelaran atau nama jawatan itu diubah melalui Perintah ini, sebutan itu hendaklah disifatkan sebagai sebutan tentang Menteri dengan gelaran atau nama jawatan yang baru itu.

(2) Jika terdapat sesuatu sebutan tentang seseorang Menteri dengan sesuatu gelaran atau nama jawatan tertentu dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana fungsi di bawah undang-undang bertulis itu dan fungsi itu telah dipindahkan melalui Perintah ini kepada seorang Menteri yang lain, sebutan itu hendaklah disifatkan sebagai sebutan tentang Menteri yang kepadanya fungsi itu telah dipindahkan.

JADUAL

MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN FUNGSI-FUNGSI MEREKA

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi	Perdana Menteri	Jabatan Perdana Menteri:	
Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak	Timbalan Perdana Menteri	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)	Urusetia Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaksanaan Program Kemiskinan Di Bandar dan Luar Bandar
Tan Sri Bernard Giluk Dompok	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Urusetia Jawatankuasa
Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Petugas Peringkat Menteri Untuk Meningkatkan Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan Luar Bandar
Dato' Mustapa bin Mohamed	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
Dato' Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Penyelarasan dan pengawasan pelaksanaan dasar dan program pembangunan negara
Datuk Dr. Maximus @ Johnity Ongkili	Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Penyelarasan penyertaan Bumiputera di Pulau Pinang
Datuk M. Kayveas	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Urus setia bagi Majlis Tindakan Negara
Encik Joseph Entulu anak Belaun	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri		Penyelarasan dan pelaksanaan program dan projek khas
		Unit Perancang Ekonomi	Merangka dasar dan strategi untuk pembangunan sosio-ekonomi
			Menyediakan rancangan pembangunan jangka sederhana dan panjang
			Menyediakan belanjawan bagi program dan projek pembangunan
			Mengawasi dan menilai pencapaian program dan projek pembangunan
			Menasihati Kerajaan mengenai isu-isu ekonomi
			Mengenal pasti dan melaksanakan penyelidikan ekonomi
			Merancang dan menyelaras program pembangunan dan menilai pencapaiannya

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Menyelaras penglibatan Malaysia dalam Pembangunan Pertumbuhan Segi Tiga
			Merancang dan menyelaras bantuan dua hala dan pelbagai hala
			Membantu Program Kerjasama Teknikal Malaysia
			Pembangunan industri minyak dan gas
			Menimbang dan memperakukan cadangan penyusunan semula ekuiti syarikat selaras dengan dasar penyusunan semula ekuiti korporat
		Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)	Menyelaras, memantau dan menganalisis isu-isu kritikal ekonomi dalam dan luar negara sebagai input perancangan dasar
		Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)	Menerajui perubahan bagi memodenkan pentadbiran perkhidmatan awam Malaysia
		Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan	Kod Etika Bagi Anggota-Anggota Pentadbiran
			Urusetia Jemaah Menteri
			Perkara-perkara Perlembagaan Persekutuan
			Perkara-perkara Parlimen
			Perhubungan dengan Negeri-Negeri
			Penyelarasan urusan Kerajaan
			Hari Kelepasan Am

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Sumber Manusia	Pengurusan dan pentadbiran Jabatan Perdana Menteri
		Bahagian Pengurusan Hartanah Kerajaan	Pengurusan tanah, bangunan dan perumahan Kerajaan Persekutuan
		Bahagian Keselamatan Negara	Penggubalan dasar-dasar keselamatan negara dan penyelarasan langkah- langkah keselamatan
			Urusetia Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan semua jawatankuasa dan kumpulan kerja yang ditubuhkan di peringkat Persekutuan dan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) di peringkat Negeri yang menyentuh perkara keselamatan negara, ketenteraman awam dan pengurusan krisis serta bencana yang diletakkan di bawah bidang kuasa MKN
			Penguatkuasaan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 dan penyelarasan pelaksanaan operasi maritim
			Pengurusan Sistem Pengawasan Laut Malaysia yang melibatkan semua agensi maritim negara
			Pengurusan dasar dan operasi mengenai pendatang asing di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan
			Pengurusan Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)
		Bahagian Penyelidikan	Penyelidikan Kerajaan
		Biro Tatanegara	Penyelidikan mengenai keberkesanan dasar-dasar Kerajaan dan mengkaji jurang antara Kerajaan dengan rakyat
			Pemupukan semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia
		Biro Pengaduan Awam	Menguruskan aduan-aduan terhadap agensi-agensi sektor awam

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia	Keselamatan perlindungan bagi agensi-agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri
			Keselamatan perlindungan bagi Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan
		Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya
			Pemantauan kedudukan perkara pengampunan di tiap-tiap Negeri
			Jawatankuasa Bertindak dan Penyelarasan Undang-Undang
			Panel Aduan Undang-Undang
			Pelantikan penasihat untuk Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001
			Perancangan dan pembangunan projek-projek mahkamah
			Pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952, termasuk pendaftaran dan pemantauan perbadanan-perbadanan pemegang amanah
		Lembaga Penasihat	Menimbang representasi dan mengkaji semula kes-kes orang-orang tahanan dan orang-orang sekatan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan tahanan pencegahan
		Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Menerajui dasar-dasar perkhidmatan awam yang meliputi skim, terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan, saraan, pencen dan ganjaran serta perancangan tenaga manusia bagi sektor awam
		Jabatan Peguam Negara	Fungsi dan kuasa di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain dan pelaksanaan tugas-tugas lain yang bersifat undang-undang bagi pihak Kerajaan

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Badan Pencegah Rasuah (BPR)	Pencegahan dan pembasmian rasuah, pelepasan dan penyalahgunaan kuasa yang ditegah oleh undang-undang
		Jabatan Audit Negara	Pengauditan dan penilaian akaun, pengurusan sumber dan pelaksanaan projek-projek Kerajaan dan pengauditan syarikat-syarikat Kerajaan
		Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	Urusetia Majlis Raja-Raja
		Istana Negara	Institusi Yang di-Pertuan Agong
		Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan	Mengendalikan urusan pentadbiran tanah dan galian bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan
		Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	Melaksanakan fungsi-fungsi penguatkuasaan dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah undang-undang yang berhubungan dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
		Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)	Latihan bagi pegawai undang-undang dan kehakiman pegawai penguat kuasa undang-undang
		Jabatan Parlimen	Urus setia Mesyuarat Majlis-Majlis Parlimen dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Majlis itu
		Jabatan Perangkaan	Mengumpul, mentafsirkan dan menyampaikan perangkaan yang bermutu dalam membentuk dan menjalankan dasar-dasar perancangan pembangunan negara
			Menjalankan banci penduduk dan perumahan serta banci ekonomi/pertanian
			Menjalankan tinjauan/kajian perangkaan isi rumah dan ekonomi
			Menyusun petunjuk ekonomi secara perangkaan

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia	Hal ehwal kehakiman
		Biro Bantuan Guaman	Bantuan guaman di bawah Akta Bantuan Guaman 1971
		Jabatan Insolvensi Malaysia	Perkara-perkara yang berhubungan dengan kebankrapan dan penggulangan syarikat, pertubuhan dan kesatuan sekerja
		Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional	Perancangan, pembentukan dasar dan perundangan mengenai perpaduan negara
			Hubungan kaum
			Perpaduan negara
			Penyelidikan etno-sosial
			Pembangunan masyarakat
			Rukun Tetangga
			Tabika perpaduan
			Panel Penasihat Perpaduan Negara (PANEL)
			Integrasi nasional
		Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah	Menjadi penghubung antara Kerajaan Negeri Sabah dengan Kerajaan Persekutuan
		Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak	Menjadi penghubung antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan Kerajaan Persekutuan
		Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)	Kajian mengenai kefahaman Islam
		Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam
			Pusat Penyelidikan Islam (PPI)
			Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH)

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Masjid Negara dan Masjid Putra
			Maahad Tahfiz Al-Quran
		Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
			Pentadbiran agama Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya
		Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan	Penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya
		Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	Penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang Islam
			Sistem kehakiman Islam
		Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)	Penyelarasan kegiatan dakwah Islam
			Menjalankan kegiatan dakwah menerusi pendekatan sosial
			Melahirkan pendakwah- pendakwah berpengetahuan dan berkemahiran
		Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan	Memberikan nasihat tentang perkara yang berhubungan dengan kefahaman Islam yang mengandungi akidah, syariah dan ibadah
			Membuat kajian dan penentuan terhadap isu dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan yang memerlukan fatwa
		Jabatan Zakat, Wakaf dan Urusan Haji	Menyelia, memantau dan menyelaras urusan zakat, wakaf dan haji
		Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	Pelantikan dan hal ehwal perkhidmatan anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan
		Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	Pelantikan dan hal ehwal perkhidmatan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan dan perkhidmatan awam bersama

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	Pelantikan dan hal ehwal perkhidmatan anggota perkhidmatan pendidikan
		Suruhanjaya Pilihan Raya	Menjalankan pilihan raya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pilihan raya itu
		Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999
		Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	Pembukaan dan pembangunan kawasan baru sebagai kawasan pertanian dan penempatan Kesejahteraan peneroka Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan
		Lembaga Tabung Haji	Mentadbirkan segala perkara yang berkenaan dengan kebijakan jemaah haji dan mentadbirkan Kumpulan Wang Lembaga Tabung Haji
		Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YAPEIM)	Penyediaan khidmat kewangan bagi pembiayaan projek- projek kecil dan bantuan dalam penyediaan kemudahan- kemudahan awam untuk orang Islam
		Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (ISIS)	Kajian strategi
		Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur	Timbang tara serantau
		Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)	Pembangunan industri petroleum dan gas termasuk cari gali dan pengeluaran minyak dan gas, penapisan minyak mentah, pemasaran dan pengagihan keluaran petroleum, pemprosesan dan pencecairan gas, operasi rangkaian saluran paip penghantaran gas, pemasaran gas asli cecair Pengilangan dan pemasaran bahan petrokimia

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Perkapalan
			Kejuruteraan automotif
			Pelaburan hartanah
		Amanah Raya Berhad	Pentadbiran amanah, harta pusaka dan harta musuh
Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi	Menteri Kewangan	Kementerian Kewangan:	Menggubal dasar ekonomi, fiskal dan kewangan Negara
Senator Tan Sri Nor Md. bin Yakkop	Menteri Kewangan Kedua		Menggubal strategi belanjawan tahunan negara
Datuk Dr. Oei Yang Yang @ Ng Yen Yen	Timbalan Menteri Kewangan		Memantau, menganalisis dan membuat unjuran prestasi ekonomi dengan mengambil kira perkembangan ekonomi dalam negeri dan antarabangsa dan impaknya kepada ekonomi
Tengku Putera bin Tengku Awang	Timbalan Menteri Kewangan		Mengambil bahagian dalam forum antarabangsa bagi mengutarakan pendirian negara mengenai isu ekonomi dan kewangan antarabangsa serta memelihara kepentingan Malaysia
			Menggubal dasar-dasar dan tatacara pinjaman perumahan Kerajaan
			Mengurus pinjaman perumahan Kerajaan untuk anggota sektor awam
			Menggubal dasar-dasar perolehan Kerajaan
			Menimbangkan dan meluluskan tender yang dirujuk ke Kementerian Kewangan
			Menimbangkan dan memutuskan permohonan pengecualian daripada peraturan perolehan Kerajaan
			Memberikan khidmat nasihat mengenai perolehan Kerajaan
			Pendaftaran kontraktor bagi bekalan/perkhidmatan dan perunding Kerajaan
			Menganalisis dan menggubal dasar percukaian dan insentif cukai untuk belanjawan tahunan negara

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Memantau, menganalisis dan membuat unjuran hasil tahunan Kerajaan Persekutuan
			Menilai dan menggubal insentif cukai untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi
			Perundingan dan pentadbiran perjanjian pengelakan cukai dua kali
			Menilai dan memproses permohonan pengecualian dan peremitan cukai
			Memantau prestasi syarikat-syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan dan badan-badan berkanun
			Mengurus perkara-perkara berkaitan dengan pemegang saham dalam syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan
			Membantu dalam penyusunan semula korporat dan kewangan syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan dan entiti diswastakan yang bermasalah
			Mengambil bahagian dalam proses penswastaan projek dan syarikat Kerajaan
			Memproses permohonan bagi pelaburan badan-badan berkanun dan syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan
			Memantau pelaksanaan cadangan dan program belanjawan tahunan
			Memantau pengurusan kewangan Kementerian, Jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun
			Memantau peringkat awal pelaksanaan projek-projek pembangunan
			Menggubal dan mentadbir dasar-dasar tentang pengurusan dan pelupusan aset Kerajaan

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Rayuan terhadap taksiran cukai
			Memantau pengurusan kewangan dan ketidakpatuhan tatacara kewangan
			Menggubal dan menyelaraskan dasar-dasar dan strategi yang berkaitan dengan pinjaman-pinjaman Kerajaan Persekutuan
			Memperoleh dana dari sumber-sumber dalam dan luar negeri bagi membiayai projek pembangunan
			Menyediakan pinjaman dan jaminan bagi Kerajaan Negeri dan agensi/syarikat Kerajaan
			Menggubal dan menyelia dasar-dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan dengan pasaran modal dan kewangan domestik dan luar pesisir
		Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	Memberikan nasihat kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun dan pihak-pihak berkuasa tempatan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan penilaian tanah dan bangunan dan pengurusan tanah dan maklumat tentang tanah
		Jabatan Akauntan Negara	Menyediakan akaun awam Persekutuan mengikut kehendak perundangan dan profesional
			Memberikan khidmat rundingan dan nasihat perakaunan
			Memastikan pematuhan dan penguatkuasaan tatacara pengurusan kewangan dan perakaunan seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang yang berkaitan
		Jabatan Kastam Diraja Malaysia	Pungutan duti kastam dan eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi kenderaan

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Penguatkuasaan kawalan ke atas import dan eksport barang-barang
			Penguatkuasaan kawalan ke atas penilaian, tarif dan penjenisan bagi perlindungan industri-industri tempatan
			Penguatkuasaan kawalan ke atas kemudahan-kemudahan bagi industri-industri tempatan dan pelaksanaan dasar duti "drawback" ke atas barang-barang siap yang dieksport
			Penguatkuasaan dasar-dasar mengenai Zon Perdagangan Bebas, gudang-gudang pembuat berlesen, gudang-gudang berlesen awam/swasta dan pengangkutan barang-barang berduti dalam transit melalui air, udara dan darat
			Pengesanan dan pencegahan pengelakan duti dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan di bawah undang-undang kastam
			Penghapusan samsu gelap dan perkara-perkara yang berkaitan dengan penghapusan itu
			Pengawalan sempadan, perhentian pemeriksaan dan perairan negara
	Lembaga Hasil Dalam Negeri		Bertindak sebagai ejen Kerajaan dan memberikan perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem dan apa-apa cukai lain sebagaimana yang dipersetujui antara Kerajaan dengan Lembaga

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Menasihati Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian dan menghubungi Kementerian dan badan berkanun yang berkenaan tentang perkara-perkara itu
			Turut serta di dalam atau di luar Malaysia dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian
			Menjalankan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada Lembaga oleh mana-mana undang-undang bertulis
			Bertindak sebagai ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis
		Lembaga Pembangunan Langkawi	Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan sosio-ekonomi di Kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi
			Memajukan dan menggalakkan Kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai
			Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan pelancongan dan infrastruktur dan pembangunan tempat kediaman, pertanian, perindustrian dan perdagangan di Kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi
			Menyelaras prestasi aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas di kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Lembaga Totalisator	Mengawas, mengawal dan melaksanakan operasi totalisator berdasarkan perlumbaan kuda di Malaysia dan Singapura selaras dengan skim dan tatacara yang diluluskan
		Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Menyediakan skim persaraan yang akan membantu anggota-anggota tua dan sebagai suatu skim jaminan sosial di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991
			Sumber kewangan Kerajaan
		Bank Simpanan Nasional	Penggalakan tabiat berjimat-cermat di kalangan penyimpan- penyimpan kecil dan orang awam
			Penggunaan wang simpanan bagi pelaburan termasuk membiayai pembangunan ekonomi negara
			Pengambilalihan fungsi-fungsi dan tanggungjawab Bank Simpanan Pejabat Pos
		Bank Negara Malaysia	Pengeluaran mata wang negara dan penjagaan nilainya
			Bertindak sebagai Penasihat kewangan dan juru bank kepada Kerajaan
			Penggalakan kestabilan kewangan dan struktur kewangan yang kukuh
			Akta Insurans 1996
			Akta Takaful 1984
			Pengawasan pengendalian Syarikat Takaful Malaysia Berhad

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Memberikan perkhidmatan nasihat kepada Kerajaan mengenai perkara-perkara insurans
		Khazanah Nasional Berhad	Memperoleh, memegang dan menguruskan ekuiti pelaburan yang dipegang oleh Menteri Kewangan Diperbadankan dalam syarikat-syarikat Kerajaan
		Bursa Malaysia	Mentadbir tatalaku anggotanya dalam urusan niaga sekuriti
			Bertanggungjawab bagi pengawasan pasaran dan bagi penguatkuasaan syarat-syarat penyenaraianya yang menjelaskan kriteria bagi penyenaraian, keperluan pendedahan dan piawaian yang perlukan dikekalkan oleh syarikat tersenarai
Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi	Menteri Keselamatan Dalam Negeri	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri:	Menggubal dan melaksanakan dasar mengenai keselamatan dan ketenteraman awam
Dato' Noh bin Omar	Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri		Bertanggungjawab memelihara dan mengekalkan ketenteraman awam, kesejahteraan dan keselamatan dalam negara
Encik Chia Kwang Chye	Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri		Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah: Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 Akta Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 1964 Akta Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 1979 Akta Kediaman Terhad 1933

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Akta Ekstradisi 1992
			Akta Pencegahan Jenayah 1959
			Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001
			Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984
			Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986
		Jabatan Polis Diraja Malaysia (PDRM)	Melaksanakan fungsi dan tanggungjawab mengikut Akta Polis 1967 dan kuasa-kuasa lain yang diberikan kepada polis
		Jabatan Penjara Malaysia	Melaksanakan fungsi di bawah Akta Penjara 1995
		Jabatan Pertahanan Awam	Melaksanakan fungsi di bawah Akta Pertahanan Awam 1951
		Agensi Dadah Kebangsaan	Melaksanakan fungsi di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983
		Percetakan Nasional Malaysia Berhad	Percetakan Kerajaan
Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak	Menteri Pertahanan	Kementerian Pertahanan:	
Dato' Zainal Abidin bin Zin	Timbalan Menteri Pertahanan	Majlis Angkatan Tentera	Di bawah kuasa am Yang di-Pertuan Agong tentang perintah, tata tertib dan pentadbiran angkatan tentera dan segala perkara lain mengenainya, selain perkara-perkara yang berhubungan dengan angkatan tentera bagi maksud operasi
			Pentadbiran undang-undang yang berikut:
			Akta Angkatan Tentera 1972
			Akta Manuver Tentera 1983
			Akta Tentera Melawat 1960

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV)	Pembentukan dasar dan pelaksanaan program yang berhubungan dengan hal ehwal veteran Angkatan Tentera Malaysia
		Majlis Latihan Khidmat Negara	Melaksanakan fungsi di bawah Akta Latihan Khidmat Negara 2003
		Jabatan Latihan Khidmat Negara	Menjalankan aktiviti-aktiviti di bawah Akta Latihan Khidmat Negara 2003
		Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE)	Membekalkan kepakaran saintifik dan teknikal kepada Angkatan Tentera Malaysia
		Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	Menguruskan faedah persaraan dan faedah lain untuk anggota-anggota tertentu daripada Angkatan Tetap dalam Angkatan Tentera Malaysia di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973
		Perbadanan Hal Ehwal Bekas Anggota Tentera (PERHEBAT)	Melaksanakan aktiviti- aktiviti sosio-ekonomi dan kebajikan bagi kakitangan yang bakal bersara dan pesara-pesara Angkatan Tetap dalam Angkatan Tentera Malaysia
		Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)	Melaksanakan aktiviti-aktiviti perniagaan selaras dengan fungsi-fungsi Lembaga Tabung Angkatan Tentera
		Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)	Melaksanakan aktiviti- aktiviti perniagaan selaras dengan fungsi- fungsi Lembaga Tabung Angkatan Tentera
Dato' Seri Ong Ka Ting	Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan:	Perancangan, penyelarasan serta pelaksanaan dasar dan program berhubung dengan penempatan manusia dan perbandaran melalui aktiviti pembangunan perumahan, perkhidmatan kerajaan tempatan, perancangan bandar dan desa, pembangunan landskap dan perkhidmatan kebombaan
Datuk Robert Lau Hoi Chew	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan		

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
Datuk Azizah binti Mohd. Dun	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan		Pentadbiran undang-undang yang berikut:
			Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966
			Akta Pemberi Pinjam Wang 1951
			Akta Pemegang Pajak Gadai 1972
			Pembasmian kemiskinan di bandar
		Jabatan Perumahan Negara	Pelaksanaan dasar Perumahan Negara melalui program perumahan rakyat serta khidmat nasihat dan bantuan teknikal kepada Kerajaan Negeri
		Jabatan Kerajaan Tempatan	Penyelarasan dan pemantauan program perumahan awam dan swasta
			Penyelarasan penempatan semula setinggan dan urus setia bersama Jawatankuasa Setinggan Lembah Klang
			Urus setia Kajian Perumahan Negara
			Pewujudan pihak-pihak berkuasa tempatan yang moden, berdaya maju dan berkebolehan selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976
			Garis panduan dan pekeliling bagi pihak berkuasa tempatan
			Penyelarasan perancangan pembangunan dan pemantauan pelaksanaan projek-projek pembangunan kecil dalam kawasan pihak berkuasa tempatan, kampung-kampung tradisional dan kampung- kampung baru
			Pengurusan sisa pepejal dan program kitar semula
			Pelaksanaan program Bersih dan Indah

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Penyelarasan pelaksanaan pro-gram kesihatan awam oleh pihak berkuasa tempatan
			Urus setia kepada Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan
		Jabatan Perancang Bandar dan Desa	Rancangan pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar serta aspek lain mengenai penggunaan tanah
			Pelaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976
			Pendaftaran perancang bandar
			Urus setia Majlis Perancang Fizikal Negara
		Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Khidmat kebombaan dan penyelamat serta pengawalan dan pencegahan kebakaran
			Penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan undang-undang lain yang berhubungan dengan keselamatan daripada kebakaran
		Jabatan Lanskap Negara	Pewujudan negara taman melalui pelaksanaan Program Lanskap Negara
			Pemberian nasihat kepada Kerajaan tentang perancangan, pembangunan dan pengurusan lanskap
			Agensi utama bagi pembangunan lanskap
			Pelan Induk Lanskap
		Institut Penyelidikan Perumahan dan Perbandaran Malaysia (MAHSURI)	Penyelidikan dan pembangunan mengenai penempatan manusia dan perbandaran
		Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah	Tuntutan pembeli rumah di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966
Dato' Seri S. Samy Vellu	Menteri Kerja Raya	Kementerian Kerja Raya:	Merancang dan menyelaras projek-projek infrastruktur negara

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed	Timbalan Menteri Kerja Raya	Jabatan Kerja Raya Malaysia	Melaksanakan dan memantau projek-projek pembangunan infrastruktur
			Menyelaraskan dan memantau jabatan dan semua agensi di bawah Kementerian Kerja Raya
			Menyediakan perkhidmatan perundingan kepada agensi-agensi Kerajaan
			Mengawal selia lebuhraya-lebuhraya yang diswastakan
			Mengembangkan industri pembinaan
			Meningkatkan kemahiran tenaga kerja dalam industri pembinaan
			Merancang, mereka bentuk dan membina projek infrastruktur seperti projek jalan, bangunan kerajaan, lapangan terbang, pelabuhan dan jeti
			Mengendalikan dan menyenggara jalan raya dan bangunan kerajaan yang khusus
			Memberikan khidmat nasihat teknikal kepada kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah
			Pengisytiharan jalan-jalan Persekutuan di bawah Akta Jalan Persekutuan 1959
		Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia	Pembangunan dan penggalakan industri pembinaan
			Mengadakan, memajukan, mengkaji semula dan menyelaraskan program latihan bagi pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan
			Mengakreditasikan dan mendaftarkan kontraktor-kontraktor

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Mengakreditasikan dan memperakukan pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan
		Lembaga Lebuhraya Raya Malaysia (LLM)	Menyelia, mereka bentuk, membina dan menyelenggara projek-projek lebuhraya di bawah Kontrak Turnkey
			Memantau dan menyelia pembinaan, penyelenggaraan dan pengendalian lebuhraya yang diswastakan
			Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980
			Perintah pungutan tol di bawah Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984
			Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987
		Lembaga Arkitek Malaysia	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Arkitek 1967
		Lembaga Juruukur Bahan Malaysia	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Juruukur Bahan 1967
		Lembaga Jurutera Malaysia	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967
		Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd.	Membantu meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan <i>marketability</i> para profesional negara di peringkat antarabangsa
			Berfungsi sebagai pusat maklumat bagi profesional
Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik	Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi	Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi:	Menggubal dan melaksanakan dasar negara mengenai tenaga
Dato' Shaziman bin Abu Mansor	Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi		Menggubal dan melaksanakan dasar negara mengenai tenaga yang diperbaharui

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Menggubal dan melaksanakan dasar negara mengenai kecekapan tenaga
			Menggubal dan melaksanakan dasar negara mengenai penggunaan bahan tempatan bagi industri bekalan elektrik
			Menggubal dasar-dasar pelesenan, penjanaan, penghantaran dan pengagihan bekalan elektrik
			Mengkaji dan menetapkan tarif bagi industri bekalan elektrik
			Merancang dan membangunkan strategi-strategi industri bekalan elektrik
			Hubungan antarabangsa mengenai hal ehwal tenaga dengan agensi berkaitan
			Menguruskan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik
			Mengawal selia aspek operasi, pengurusan dan kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
			Menggubal dan melaksanakan objektif dasar negara mengenai industri komunikasi
			Merancang dan membangunkan strategi-strategi industri komunikasi
			Mewujudkan rangka kerja pelesenan dan pengawalseliaan bagi industri komunikasi
			Menggubal dan melaksanakan dasar negara mengenai keselamatan, perlindungan keselamatan, kewibawaan dan kebolehpercayaan perkhidmatan rangkaian dan perkhidmatan aplikasi
			Menggalakkan kemajuan keupayaan dan kecekapan bagi industri percantuman komunikasi

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Pelesenan kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian, perkhidmatan aplikasi dan perkhidmatan aplikasi kandungan
			Menggubal dasar negara mengenai penggunaan dan penguntukan spektrum
			Penubuhan dan pengendalian Tribunal Rayuan bagi industri komunikasi
			Menggubal dan melaksanakan dasar negara mengenai pemberian perkhidmatan sejagat dan Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat
			Menggubal dan melaksanakan dasar negara mengenai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
			Menggubal dan melaksanakan dasar keselamatan maklumat negara
			Hubungan antarabangsa mengenai hal ehwal komunikasi dengan agensi berkaitan
			Menggubal dan melaksanakan dasar negara mengenai industri perkhidmatan pos di bawah Akta Perkhidmatan Pos 1991
			Merancang dan melaksanakan strategi-strategi bagi pembangunan industri perkhidmatan pos
			Penstrukturan tarif pos
			Pelesenan perkhidmatan pos
			Hubungan antarabangsa mengenai hal ehwal industri pos dengan pelbagai pihak berkaitan
			Merancang, mereka bentuk dan melaksanakan projek-projek bekalan air
			Mengendalikan dan menyenggara sistem bekalan air
		Jabatan Perkhidmatan Pambetungan	Akta Perkhidmatan Pambetungan 1993

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Pusat Tenaga Malaysia	Menguruskan pangkalan data tenaga Menyelaraskan penyelidikan mengenai tenaga Perkhidmatan nasihat mengenai tenaga
		Suruhanjaya Tenaga	Pelesenan penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik Penguatkuasaan peruntukan pelesenan, pendaftaran pemasangan, pendaftaran kontraktor elektrik, pendaftaran kontraktor perkhidmatan elektrik, pendaftaran kontraktor pembaikan elektrik, pendaftaran jurutera perkhidmatan elektrik, pendaftaran pengilang papan suis, pendaftaran unit pendawaian persendirian, pengeluaran perakuan kekompetenan, kelulusan kelengkapan elektrik dan pemungutan hasil di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 Fungsi pengawalseliaan industri bekalan elektrik dan penguatkuasaan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 Penguatkuasaan piawaian- piawaian keselamatan elektrik Kecekapan tenaga bagi sektor elektrik Penyelesaian aduan pengguna mengenai perkhidmatan bekalan elektrik Penggalakan tenaga yang diperbaharui
		Telekom Malaysia Berhad (TMB)	Perkhidmatan telekomunikasi di bawah Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985
		Pos Malaysia Berhad (PMB)	Perkhidmatan pos di bawah Akta Perkhidmatan Pos (Syarikat Pengganti) 1991
		Tenaga Nasional Berhad (TNB)	Pembekalan elektrik bagi seluruh Semenanjung Malaysia di bawah Akta Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Lembaga Letrik Sabah (LLS)	Pembekalan tenaga elektrik bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan di bawah Akta Lembaga Letrik Sabah 1983
		Sabah Electricity Sdn. Bhd.	Pembekalan tenaga elektrik bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan
		Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia	Penguatkuasaan, penyeliaan dan pengawalseliaan aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 dan Akta Komunikasi dan Mutimedia 1998
Dato' Seri Rafidah Aziz	Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri:	Merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar pelaburan, pembangunan perindustrian dan perdagangan antarabangsa
Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri		Menggubal dasar dan strategi pembangunan perindustrian
Dato' Mah Siew Keong	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri		Merancang dan menggalakkan hubungan perdagangan dua hala dan pelbagai hala serta kerjasama perdagangan serantau
			Merancang dan menggalakkan eksport Malaysia di pasaran antarabangsa
			Merancang, menyelaraskan dan mengenal pasti pembangunan industri-industri kecil dan sederhana
			Meningkatkan dan memajukan kemahiran pengurusan, penyeliaan dan keusahawanan untuk golongan awam amnya dan untuk golongan Bumiputera khususnya
			Membangunkan industri kecil dan sederhana
			Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta yang berikut:
			Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Akta Penyelarasan Perindustrian 1975
			Akta Penggalakan Pelaburan 1986
		Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)	Menggalakkan pelaburan asing dan tempatan dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan
			Merancang pembangunan perindustrian
			Mengesyorkan kepada Menteri dasar-dasar dan strategi- strategi tentang penggalakan dan pembangunan perindustrian
			Penilaian permohonan bagi insentif yang diperuntukkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, lesen-lesen pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dan Akta Pembangunan Petroleum 1974, jawatan ekspatriat bagi projek pembuatan serta perlindungan tariff/pegecualian cukai terhadap bahan-bahan mentah, komponen-komponen dan mesin
			Memudahkan syarikat-syarikat dalam melaksanakan dan mengendalikan projek, menawarkan bantuan melalui rundingan terus dan kerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan
			Memudahkan pertukaran maklumat dan penyelarasan di antara institusi yang terlibat atau yang berkaitan dengan pembangunan perindustrian
			Melaksanakan fungsi-fungsi di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) 1965
		Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	Menggalakkan, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia
			Menggubal dan melaksanakan strategi pemasaran eksport dan aktiviti penggalakan perdagangan

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Menjalankan risikan perdagangan dan kajian pasaran serta mewujudkan pengkalan data maklumat yang komprehensif
			Mengatur program latihan untuk meningkatkan kemahiran pengeksport
			Memperkukuhkan, memudahkan dan membantu dalam hal-ehwal perkhidmatan perdagangan
			Melaksanakan fungsi-fungsi di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia 1992
		Perbadanan Produktiviti Negara (NPC)	Pembangunan tenaga pengurusan dan penyeliaan melalui latihan dalam bidang produktiviti, mutu dan pengurusan
			Pengukuran produktiviti di peringkat mikro dan makro
			Perkhidmatan pengurusan, perundingan dan nasihat
			Pembangunan dan latihan keusahawanan
			Penyelidikan dalam bidang pengurusan, produktiviti dan kualiti
			Promosi dan penyebaran maklumat dan isu-isu yang berhubungan dengan produktiviti dan kualiti
			Melaksanakan fungsi di bawah Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) 1966
		Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995
		Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF)	Pembangunan industri pembuatan

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar	Menteri Luar Negeri	Kementerian Luar Negeri:	Menggubal, merancang dan melaksanakan dasar luar negeri Malaysia
Dato' Joseph Salang anak Gandum	Timbalan Menteri Luar Negeri		Menguruskan hubungan dua hala, serantau dan pelbagai hala dengan negara-negara luar dan badan-badan antarabangsa
		Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDHL)	Latihan dan penyelidikan dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa
		Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT)	Latihan, persidangan dan penyelidikan dalam bidang penyiasatan, pengurusan pengesanan dan pemantauan bagi mencegah keganasan
Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md. Yasin	Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani:	Menggubal dan merancang dasar, strategi dan program pembangunan pertanian
Dato' Seri Ker (Kerk) Kim Tim @ Kerk Choo Ting	Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani		Memantau, menilai, menyelaraskan dan melaksanakan projek/program di bawah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) atau bukan IADP
Dato' Seri Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar	Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani		Khidmat analisis ekonomi termasuk kerja mengumpul, menganalisis dan menyimpan semula maklumat/data pertanian secara saintifik Rundingan dan kerjasama pelbagai hala, serantau dan dua hala dalam pertanian dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa
		Jabatan Pertanian	Khidmat perundingan dan sokongan teknikal Khidmat kepakaran dan diagnostik pertanian Pengeluaran bahan-bahan tanaman Perlindungan tanaman Kualiti dan keselamatan makanan Mewujudkan hubungan strategik serta perkongsian pintar dan kerjasama teknikal dengan lain-lain organisasi di dalam dan luar negara

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Jabatan Perikanan	Menggubal dasar dan strategi untuk pembangunan dan pengurusan sektor perikanan negara Penguatkuasaan Akta Perikanan 1988 Pembangunan, pengurusan dan pemeliharaan sumber perikanan secara mampan Pembangunan dan pengurusan akuakultur serta perikanan darat Penyelidikan dan pembangunan perikanan Melatih pengusaha dan usahawan perikanan Pengembangan perikanan Pengurusan dan pemantauan perikanan rekreasi Pengurusan kesihatan ikan dan kuarantin Perangkaan perikanan Mewujudkan piawaian dan memantau kualiti produk perikanan Mengawal import, eksport dan pengangkutan ikan hidup Memantau kualiti perairan perikanan negara
		Jabatan Perkhidmatan Haiwan	Mengawal, mencegah dan menghapuskan penyakit haiwan dan zoonotik Pengeluaran ternakan, hasil ternakan dan makanan haiwan Pemeriksaan daging, susu, telur, makanan haiwan, rumah sembelih dan loji pemprosesan hasilan haiwan Mengawal import/eksport haiwan, hasilan haiwan dan kuarantin

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
			Latihan bagi industri ternakan dan haiwan peliharaan
			Pengembangan pengeluaran ternakan, kesihatan haiwan dan kesihatan awam veterinar
			Penyelidikan penyakit haiwan dan sumber genetik haiwan
			Mengawal kebajikan haiwan dan pemuliharaan bahan genetik haiwan
		Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969
		Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965
		Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971
		Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973
		Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972
		Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda 1972
		Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Perindustrian Nanas 1957
		Bank Pertanian Malaysia	Menjalankan fungsi-fungsi di bawah Akta Bank Pertanian Malaysia 1969

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
Dato' Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir	Menteri Penerangan	Kementerian Penerangan:	Penyiar dan pemberi maklumat rasmi Kerajaan
Dato' Lim Siang Chai	Timbalan Menteri Penerangan		Pengurusan maklumat dan media massa Kerajaan
Datuk Zainudin bin Maidin	Timbalan Menteri Penerangan		Meluluskan bahan promosi dan mesej Kerajaan
			Iklan komersial di radio dan televisyen Kerajaan
			Hubungan dua hala dan pelbagai hala dalam dan luar negeri
			Penyiaran Kerajaan termasuk kandungan, peluasan dan penambahan keperluan siaran
			Penentuan pihak-pihak untuk mewakili kepentingan Kerajaan untuk mengendalikan perkhidmatan dan kemudahan penyiaran Kerajaan
			Dasar Perfileman Negara
		Jabatan Perkhidmatan Penerangan	Perhubungan awam dan penerangan awam dalam dan luar negara Publisiti dan akhbar
			Perkhidmatan luar, sivik dan kemasyarakatan
		Jabatan Penyiaran (Radio dan Televisyen)	Saluran komunikasi dan maklumat untuk Kerajaan
			Amalan kejuruteraan penyiaran
			Latihan penyiaran
			Memantau penyiaran radio luar negeri bagi maksud Kerajaan
			Hubungan dua hala dan pelbagai hala dengan radio dan televisyen lain dalam dan luar negara

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
		Jabatan Hal Ehwal Khas	Merancang, menyusun dan melaksana program dan aktiviti yang berkaitan dengan matlamat dan objektif jabatan
			Menyalurkan informasi dan penerangan berkaitan sosio- politik dan agama kepada tiap-tiap lapisan masyarakat
		Jabatan Filem Negara	Pengeluaran dan pengedaran filem
		Berita Nasional Malaysia (Bernama)	Melaksanakan matlamat Bernama di bawah Akta Bernama 1967
Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn	Menteri Sumber Manusia	Kementerian Sumber Manusia:	Dasar tenaga kerja dan sumber manusia
Datuk Abdul Rahman bin Bakar	Timbalan Menteri Sumber Manusia		Pembangunan sumber manusia
			Keharmonian perhubungan perusahaan
			Keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pekerja
			Pentadbiran undang-undang dan piawaian tenaga kerja
			Majlis Penetapan Gaji
			Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (MPBK)
		Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia	Pentadbiran, pelaksanaan dan penguatkuasaan undang- undang buruh
			Perkhidmatan pekerjaan dan pengawalan agensi-agensi pekerjaan swasta
		Jabatan Tenaga Kerja Sabah	Menguatkuasakan undang- undang buruh Sabah
			Menjaga dan memelihara peluang pekerja tempatan dan mengawal pengajian pekerja asing/pekerja bukan tempatan di Sabah
			Mengadili pertikaian perusahaan
		Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	Menguatkuasakan undang- undang buruh Sarawak

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
Dato' Haji Azmi bin Khalid	Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri		Menjaga memelihara peluang pekerja tempatan dan mengawal pengajian pekerja asing/dan pekerja bukan tempatan di Sarawak
			Mengadili pertikaian perusahaan
		Jabatan Perhubungan Perusahaan	Mewujudkan suasana harmoni dalam industri di antara majikan dan pekerja dan kesatuan sekerja
			Menguruskan pertikaian perusahaan
		Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja	Pendaftaran, penyeliaan dan pembatalan pendaftaran kesatuan-kesatuan sekerja majikan-majikan dan pekerja-pekerja
		Jabatan Tenaga Manusia	Membangunkan latihan kemahiran
		Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	Pentadbiran, pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
		Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara	Latihan, penyebaran maklumat, khidmat rundingan dan penyelidikan dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan
		Mahkamah Perusahaan	Penghukuman pertikaian perusahaan
			Pengiktirafan perjanjian kolektif
		Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)	Penilaian keperluan kemahiran, pembangunan piawaian kemahiran kebangsaan dan pelaksanaan program pensijilan kemahiran
		Pertubuhan Keselamatan Sosial	Skim-skim keselamatan sosial untuk pekerja
		Pembangunan Sumber Manusia Berhad	Menggalakkan majikan sektor swasta melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja
		Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri:	Mengawal urusan agensi pensendirian di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan</i>	<i>Jabatan</i>	<i>Perkara</i>
Datuk Tan Chai Ho	Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	Jabatan Imigresen Malaysia	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Imigresen 1959/63, dan Akta Paspot 1966
		Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959
		Jabatan Pendaftaran Pertubuhan	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Pertubuhan 1966
		Lembaga Penapisan Filem	Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Filem (Penapisan) 1952
		Ikatan Relawan Rakyat	Peraturan-Peraturan Perlu (Pasukan Kawalan) 1966 di bawah Akta (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1964
